

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Adaptasi Unsur-Unsur Seni Di Dalam Unsur-Unsur Rekaan Fesyen

Qistina Binti arshad^{a1*} Nurhamizah Binti Misuan^{b2*} & Marziana Binti Yaacob^{c*}

^{abc} Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Malaysia

Abstrak

Setiap pelajar dalam bidang seni lukis dan seni reka perlu mengetahui unsur-unsur seni dalam rekabentuk dan dapat menghubungkaitkan unsur-unsur ini di dalam unsur-unsur rekaan fesyen. Pengetahuan asas dalam seni reka dapat melahirkan seseorang pereka fesyen yang lebih sensitif dengan keadaan sekeliling sekaligus dapat menghasilkan rekaan yang berkualiti dan diterima oleh masyarakat. Justeru itu, kajian tentang “Adaptasi Unsur-Unsur Seni di dalam Unsur-Unsur Rekaan Fesyen” dilakukan untuk mengenalpasti unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen dan mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen. Bagi mendapatkan data-data yang berkaitan, metodologi kajian yang dijalankan adalah melalui kaedah kuantitatif berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada 58 orang responden yang terdiri daripada pelajar program Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian, semester dua. Hasil dapatan kajian adalah sebanyak 4.05% min keseluruhan dari responden dapat mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen. Manakala sebanyak 3.76% dari responden dapat mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata Kunci : Unsur-unsur seni, unsur-unsur rekaan fesyen.

1. Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Setiap pereka perlu mengetahui asas seni yang menjadi unsur-unsur utama dalam rekaan. Unsur seni menjadi aspek utama sebelum sesuatu rekaan dihasilkan. Antara unsur-unsur seni adalah garisan (*line*), rupa (*shape*), bentuk (*form*), jalinan (*texture*) dan warna (*color*) menjadi bahan utama bagi pereka untuk mendapatkan imaginasi (Hill M.G., 2001). Menurut beliau lagi, pereka menggunakan unsur-unsur seni untuk menghasilkan sesuatu karya seni yang berkualiti.

Cabang seni dan rekabentuk terbahagi kepada banyak bahagian salah satunya adalah seni reka fesyen. Setiap pereka fesyen sudah semestinya perlu mengetahui unsur-unsur seni yang menjadi asas kepada seni rekabentuk. Mereka juga perlu membuat hubungkait antara unsur seni di dalam bidang fesyen bagi mendapatkan rekaan yang berkualiti. Menurut Burke S. (2012), fesyen pada kebiasaannya merujuk kepada keadaan masyarakat sekeliling, dan ia adalah salah satu seni bentuk yang telah diubah kepada imej yang menginterpretasikan identiti sesebuah masyarakat.

* Qistina Binti Arshad. Tel.: +0127419565 ; fax: 072612402

E-mail address: qistinaarshad18@gmail.com

* Nurhamizah Binti Misuan. Tel.: +0177753673 ; fax: 0072612402

E-mail address: Zara.mieyariesza@gmail.com

* Marziana Binti Yaacob. Tel.: +01129700209 ; fax: 0072612402

E-mail address: maya5132.my@gmail.com

1.2 Latarbelakang Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menenalpasti adaptasi unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen. Unsur-unsur seni di dalam seni rekaan fesyen dapat dihubungkan untuk mendapatkan satu rekaan yang mempunyai nilai estetikanya sendiri. Kajian dikhususkan kepada pelajar-pelajar semester dua Program Rekabentuk Fesyen dan Pakaian di Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan.

1.3 Penyataan Masalah

Suasana dalam bidang fesyen pada masa kini meriah dengan ramai pereka-pereka yang mengeluarkan himpunan koleksi pakaian masing-masing. Ini merupakan satu suasana positif kerana terdapat banyak saingan antara mereka dalam bidang ini. Ada juga artis dan orang ternama menjadi pereka segera yang tampil dalam peragaan fesyen dan sekaligus menggelar diri mereka sebagai “pereka”. Namun, situasi ini perlu dibendung kerana tidak semua pereka sememangnya mempunyai latarbelakang dan pendidikan khusus di dalam bidang rekaan fesyen ini. Pereka fesyen yang mempunyai ilmu asas dalam bidang seni lebih sensitif dengan hasil dan rekaan yang dikeluarkan.

Justeru itu, satu kajian dijalankan terhadap pelajar-pelajar dalam program Diploma Rekabentuk Fesyen di Jabatan Rekabentuk Visual. Pengajaran dan pembelajaran dalam asas seni lukis dan seni reka perlu kerana mereka adalah pelapis pereka fesyen yang akan memartabatkan industri fesyen tempatan mahupun luar negara. Walaupun tidak semua yang akan menjadi pereka, tetapi mereka masih akan bekerja dalam bidang yang sama seperti pereka kostum, penasihat fesyen, perunding imej, pensyarah fesyen dan lain-lain. Oleh itu, unsur-unsur seni lukis dan seni reka ini perlu diterapkan kepada mereka supaya setiap rekaan yang dihasilkan memenuhi kehendak pasaran.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen.
- 1.4.2 Mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah :

- 1.5.1 Apakah jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen
- 1.5.2 Bagaimana proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen.


1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah sangat penting kepada Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual kerana pelajar semester dua ini perlu diberi pendedahan kepada asas seni lukis dan seni reka untuk diinterpretasikan dan ditransformasikan dalam rekaan fesyen mereka. Di samping itu, kajian ini dapat memudahkan pensyarah yang akan mengajar pelajar-pelajar ini kerana mereka telah didedahkan terlebih awal dengan hubungan asas seni lukis dan seni reka dengan asas seni reka fesyen. Antara unsur-unsur utama dalam asas senilukis adalah garisan (line), rupa (shape), bentuk (form), warna (colour), dan jalinan (texture).

1.7 Kajian Literatur

1.7.1 Garisan (Line)

Garisan terhasil apabila dua titik disambung dan kelihatan seolah bergerak (Ocvirk, et al 2002). Garisan merupakan bentuk yang memanjang dan mempunyai sifat yang elatis, kaku, dan tegas. Penggunaan garisan dalam seni rupa sangat penting. Kegunaan garisan biasanya pada awal proses pembentukan suatu karya seni, iaitu lakaran. Pengolahan garis yang maksima juga dapat menciptakan dan mendukung nilai artistik dalam karya seni. Kita tahu jika pengolahan suatu garis akan dihasilkan garis lengkung, garis lurus, garis patah-patah, garis tebal, dan garis tipis.



Rajah 1: Antara contoh-contoh garisan dalam elemen seni
(Sumber : <http://senivisual1.blogspot.com/2011/07/garisan.html>)



Rajah 2: Garisan yang di aplikasi pada pakaian

Sumber : (<https://www.hamstech.com/blog/a-new-light-on-principles-of-fashion-design/>)

Gambarajah 2 di atas merupakan aplikasi garisan (*line*) yang digunakan pada pakaian memberi satu kelainan dalam rekaan. Penggunaan garisan yang tebal melintang memberi ilusi pergerakan dan dapat memberi ilusi seimbang pada bentuk tubuh badan yang kurus.

1.7.2 Rupa (*Shape*)

Rupa terhasil apabila garisan dicantum dan terhasilnya seolah ada ruang. Rupa terbahagi kepada dua iaitu rupa geometrik dan organik. Rupa geometrik seperti bulat, empat segi, petak, heksagon dan sebagainya. Rupa juga mempunyai permukaan dua dimensi. Contoh rupa organik adalah seperti bayangan kepada daun, itik, awan dan sebagainya. Rujuk rajah 3.



Rajah 3 : Contoh rupa dalam unsur seni

(Sumber : <https://www.tes.com/lessons/W4cqDnhUqocqrA/geometric-shapes-vs-organic-shapes>)




Rajah 4 : Silhouette dalam fesyen

(Sumber : <http://archivoclinico.blogspot.com/2015/09/little-black-dress-silhouette-images.html>)

Rupa dalam bidang seni reka fesyen lebih dikenali sebagai *silhouette*. Ia menggambarkan garisan luar bagi sesuatu pakaian itu. Dalam konteks lukisan figura, *silhouette* fesyen merujuk kepada keseluruhan bentuk garisan luar pada pakaian (Richard S., Udale J., 2020) *Silhouette* juga merujuk kepada pandangan secara kasar dalam stail fesyen, bentuk pakaian itu sendiri dan bentuk tubuh manusia. (Angus E., Baudis M., Woodcock P., 2015).

1.7.3 Bentuk (*Form*)

Menurut Ocwrick O.G., dan Stinson R.E. (2002), bentuk adalah atau susunan inventif semua elemen visual mengikut prinsip yang akan mewujudkan perpaduan dalam karya seni. Bentuk mempunyai lebih dari satu permukaan dan bersifat tiga dimensi. Bentuk mempunyai struktur jisim dan isi padu. Bentuk-bentuk 3 dimensi boleh dirujuk dalam rajah 5.



Rajah 5 : Bentuk 3 dimensi dalam elemen seni
(Sumber : <https://www.widewalls.ch/magazine/form-in-art>)



Rajah 6 : Bentuk yang diaplikasi pada rekaan gaun dengan teknik pengulangan.
(Sumber :

www.google.com/search?safe=strict&tbm=isch&q=clothing+inspired+by+cubism&imgc=jzxMHEzEyOdM:&cad=h#imgc=dH1rXmzHZbAXVM:)

Bagi seni reka fesyen, bentuk 3 dimensi boleh diaplikasi kepada rekaan pakaian untuk mendapatkan satu rekaan yang unik dan menarik. Teknik pengulangan yang digunakan dari pelbagai saiz membuatkan pakaian itu tampil berbeza. Merujuk kepada rajah 6, rekaan yang dihasilkan kelihatan sangat unik dengan aplikasi bentuk-bentuk tiga dimensi yang pelbagai.

1.7.4 Warna (Colour)



Rajah 7 : Roda warna
(Sumber : Ocvrick et al (2002))

Warna dalam asas seni adalah seperti gambarajah di atas. Roda warna yang terdiri dari warna asas iaitu biru, kuning dan merah. Ia dikenali sebagai warna primer. Warna sekunder adalah dari warna hijau, jingga dan violet. Manakala warna tertier pula adalah warna kuning-jingga, merah-jingga, merah-violet, biru-violet, biru-hijau dan hijau-kuning. Warna-warna ini adalah terhasil dari pantulan gelombang matahari yang mempunyai sifat fizikal seperti *hue*, nilai (*value*) dan keamatan (*intensity*)(Ocvrick et al, 2002).



Rajah 8 : Rekaan yang mempunyai warna-warna yang pelbagai memberi mood ceria
(Sumber : (Sumber : Mbonu, E., (2014)

Bagi senireka fesyen, warna merupakan elemen penting dalam rekaan. Warna memainkan peranan kerana dalam rekaan, warna perlu merujuk kepada forecast atau jangkaan warna yang bakal menjadi trend semasa. Warna-warna yang cerah dapat memberi mood gembira kepada si pemakai manakala warna-warna gelap memberi mood suram dan misteri. Pemilihan warna yang tepat mengikut ramalan (forecast) dalam satu ikutan semasa (trend) dapat memberi pulangan yang lumayan kepada pengeluar. Menurut Scully K., dan Cobb D.J., (2012), pemilihan warna dalam *forecast* adalah daripada individu berpengalaman dan mempunyai latihan dalam seni rekaan tekstil dan seni reka fesyen. Warna juga dapat memberi sesuatu perasaan kepada pemakai.

1.7.5 Jalinan (*Texture*)

Jalinan adalah permukaan sesuatu material yang boleh disentuh atau sesuatu yang memberi ilusi permukaan tidak rata. Jalinan terhasil dari alam semulajadi dan dari manipulasi pereka atau buatan manusia.



Rajah 9 : Jalinan pada permukaan pokok kayu adalah dari tekstur alam semulajadi. Permukaan pokok kayu yang menampakkan permukaan yang kasar dan menggerutu.

(Sumber : https://www.123rf.com/photo_23269831_texture-of-tree-bark-fir.html)



Rajah 10 : Jalinan dari hasil buatan manusia. Pengulangan bentuk 3 Dimensi yang menjadikan tekstur permukaan pada tayar.

(Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/212584044883798078/>)



Rajah 11 : Jalinan yang diaplikasi pada permukaan pakaian dengan menggunakan teknik manipulasi fabrik (Sumber : Quinn, B., (2013))

Jalinan dalam rekaan fesyen yang diaplikasi menghasilkan kesan pengulangan ke atas permukaan fabrik. Pengolahan dari pereka yang menginterpretasikan rekaan dari permukaan tayar ditransformasi kepada rekaan kardigan.

2. Metodologi

2.1 Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian diskriptif yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat. Data yang dikumpul adalah berjenis kuantitatif. Kajian tinjauan sering dijalankan dalam penyelidikan pendidikan (Mohd. Majid Konting, 2000).

2.2 Sampel Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan di Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan. Oleh yang demikian sampel diambil dari pelajar semester dua sesi Disember 2019 bagi Kursus Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan. Seramai 58 orang responden iaitu dari DFP 2A seramai 19 orang, DFP 2B seramai 19 orang dan DFP 2C seramai 20 orang dijadikan sampel dalam kajian ini. Pelajar-pelajar ini dipilih kerana mereka mula mengambil kursus berkaitan rekaan fesyen pada semester dua iaitu DVF20033 *Fundamentals of Fashion Design*.

2.3 Instrumentasi Kajian

Satu instrumentasi kajian digunakan iaitu borang soal selidik. Borang soal selidik dibahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A merupakan demografi responden, Bahagian B adalah untuk mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen Bahagian C adalah mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen

Bahagian A : Demografi

Bahagian ini mengandungi soal selidik tentang maklumat umum latar belakang responden seperti jantina dan umur.

Bahagian B : Mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen.

Bahagian B adalah item-item untuk mengenalpasti apakah jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen. yang mengandungi tiga item soalan. Bahagian ini menggunakan skala Likert seperti jadual 1. Pembahagian markah terbahagi kepada lima bahagian iaitu markah 1 adalah sangat tidak setuju, markah 2 adalah tidak setuju, markah 3 tidak pasti, markah empat adalah setuju dan markah 5 adalah sangat setuju.

Jadual 1: Skala Likert					
Markah	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)

Markah, Skala Min dan Pernyataan
(Sumber : Mohd. Najib bin Abd. Ghafar, 1998)

Untuk Menginterpretasikan dapatan analisa, pengkaji memilih skala dari Jainabee & Jamil (2009) sebagaimana yang ditunjukkan pada jadual 2.

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min lima skala markah

Skor	Skor Min	Tahap
1	1.00 - 1.80	Sangat Rendah
2	1.81 - 2.60	Rendah
3	2.61 - 3.40	sederhana
4	3.41 - 4.20	Tinggi
5	4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber : Jainabee & Jamil (2009)

Interpretasi skor min lima skala markah digunakan iaitu bagi skor 1, skor min adalah pada tahap 1.00-1.80 iaitu pada tahap sangat rendah, skor 2 adalah 1.81-2.60 adalah ditahap rendah, skor 2 iaitu 2.61 – 3.40 adalah tahap sederhana, skor 4 adalah 3.41 – 4.20 dengan tahap tinggi dan skor 5 adalah 4.21 – 5.00 iaitu tahap sangat tinggi. (Jainabee dan Jamil, 2009).

Bahagian C : Mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan. Bahagian ini terdiri dari tiga item soalan yang mengkaji bagaimana hubungkait elemen seni dan rekaan dengan elemen rekaan fesyen. Bahagian ini menggunakan skala Likert seperti Jadual 1 dan interprestasi skor min seperti dalam Jadual 2.

3. Analisa dan Dapatan

Dapatan kajian yang diperoleh adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Soal selidik diedarkan kepada 58 orang responden dari kelas DFP 2 sesi Disember 2019. Analisa dilakukan berdasarkan item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik mengikut bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

3.1 Analisa dapatan kajian bahagian A : Demografi

Bahagian ini melaporkan analisa demografi responden yang terdiri daripada jantina dan umur pelajar.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan jantina pelajar

JANTINA	KEKERAPAN	PERATUS %
Lelaki	5	8
Perempuan	53	92

Jadual 3 menunjukkan responden pelajar lelaki sebanyak 8% dan pelajar perempuan sebanyak 92%

Jadual 4 : Taburan responden berdasarkan umur

UMUR	KEKERAPAN	PERATUS %
18 hingga 20 tahun	30	52
21 hingga 23 tahun	27	46
24 tahun ke atas	1	2

Umur responden

Jadual 4 menunjukkan taburan umur responden iaitu terdiri daripada 18-20 tahun dengan kekerapan 30 dan peratusan sebanyak 52%, manakala 21 hingga 23 tahun adalah kekerapan sebanyak 27 dengan peratus sebanyak 46% dan 24 tahun keatas adalah seorang dengan peratusan 2%.

3.2 Analisa dapatan kajian bahagian B : Mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen.

Dalam bahagian B, kajian dibahagikan dengan lima tahap skala Likert.

Pembahagian markah terbahagi kepada lima bahagian iaitu markah 1 adalah sangat tidak setuju, markah 2 adalah tidak setuju, markah 3 tidak pasti, markah 4 adalah setuju dan markah 5 adalah sangat setuju.

(Rujuk Jadual 1 dan 2)

Bahagian B : Mengenalpasti jenis unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen.

BIL	PERKARA	KEKERAPAN PERATUSAN										SKOR MIN	TAFSIRAN
		TIDAK SETUJU				TIDAK PASTI		SETUJU					
		1 STS	%	2 TS	%	3 TP	%	4 S	%	5 SS	%		
1	Saya tahu unsur-unsur seni	0	0.0%	0	0.0%	11	19.0%	28	48.3%	19	32.7%	4.05	Tinggi
2	Saya tahu unsur-unsur seni reka fesyen	0	0.0%	0	0.0%	12	20.7%	30	51.7%	16	27.6%	3.97	Tinggi
3	Unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen adalah dari unsur seni yang sama	0	0.0%	0	0.0%	10	17.2%	31	53.5%	17	29.3%	4.14	Tinggi
MIN KESELURUHAN												4.05	Tinggi

Rajah 12 : Hasil dapatan bahagian B

Jadual 5 : Jadual skala Likert

TIDAK SETUJU		TIDAK PASTI		SETUJU	
1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS	
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	

Sumber : Suhaili Binti Esmon & Adibah Binti Ahmad (2014)

Merujuk hasil dapatan pada rajah 12, analisa dapatan kajian mendapati bahawa skor min tertinggi adalah sebanyak 4.14% bersetuju bahawa unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen adalah dari unsur seni yang sama. Skor min purata keseluruhan adalah 4.05% dengan tafsiran tinggi. Kekerapan peratusan boleh dirumuskan seperti dalam jadual 5.

3.3 Analisa dapatan kajian bahagian C : Mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen
 Dalam bahagian C, kajian dibahagikan dengan lima tahap skala Likert.
 Pembahagian markah terbahagi kepada lima bahagian iaitu markah 1 adalah sangat tidak setuju, markah 2 adalah tidak setuju, markah 3 tidak pasti, markah 4 adalah setuju dan markah 5 adalah sangat setuju.
 (Rujuk Jadual 1 dan 2)

Bahagian C : Mengkaji proses hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen.

BIL	PERKARA	KEKERAPAN PERATUSAN										SKOR MIN	TAFSIRAN
KENYATAAN	TIDAK SETUJU				TIDAK PASTI		SETUJU						
	1 STS	%	2 TS	%	3 TP	%	4 S	%	5 SS	%			
1	Saya tahu cara untuk mengaplikasi unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen	0	0.0%	0	0.0%	15	26.0%	35	60.3%	8	13.7%	3.71	Tinggi
2	Saya tahu kepentingan unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen	0	0.0%	0	0.0%	16	27.5%	26	44.9%	16	27.6%	3.62	Tinggi
3	Unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen yang diterapkan mampu mencipta rekaan yang berkualiti	0	0.0%	0	0.0%	12	20.6%	35	60.4%	11	19.0%	3.97	Tinggi
MIN KESELURUHAN												3.76	Tinggi

Rajah 13 : Hasil dapatan bahagian C

Analisa dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 3.97 skor min dengan tafsiran tinggi bahawa pelajar tahu bahawa unsur-unsur seni dan unsur-unsur rekaan fesyen yang diterapkan mampu mencipta rekaan yang berkualiti. Mereka dapat membuat hubungkait tentang unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen.
 Min keseluruhan adalah 3.76 dengan tafsiran tinggi.

Rumusan

Secara keseluruhannya, para pelajar dapat mengenalpasti jenis unsur-unsur seni lukis dan unsur-unsur rekaan fesyen. Mereka juga akan lebih cenderung dan memahami proses membuat hubungkait unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen di dalam kursus DVF20033 Fundamentals of Fashion Design. Menurut Angus, E., Baudis, M., Woodcock, P., (2015) fesyen adalah seni, dan ia merupakan simbiosis kepada pergerakan fesyen sekaligus memberi inspirasi kepada pereka fesyen untuk menghasilkan karya yang berideologi dan artistik.

Proses rekaan melibatkan perkembangan idea kreatif bagi mendapatkan hasil rekaan yang berkesan (Marziana, Y., 2014)

Cadangan

Pada masa yang akan datang, pengkaji mencadangkan supaya dapat mengkaji dengan lebih mendalam proses perkembangan rekaan fesyen pelajar dalam mendapatkan idea melalui adaptasi unsur-unsur seni di dalam unsur-unsur rekaan fesyen bagi melahirkan “pereka” yang berpengetahuan tinggi dan mempunyai asas seni yang mendalam untuk menempuh dunia pekerjaan kelak sejajar dengan perkembangan semasa dan mengikut fesyen trend terkini.

Rujukan

- Angus, E., Baudis, M., Woodcock, P., (2015). Fashion Dictionary : Carlton Books Limited
- Anthony. J., Geometric Shapes vs. Organic Shapes dicapai pada 18 Oktober 2018 dari <https://www.tes.com/lessons/W4cqDnhUqocqrA/geometric-shapes-vs-organic-shapes>
- Burke, S., (2012). Fashion Design Concept to Collection : Burke Publishing
- Cinta Seni.,(17 Julai 2011) Pendidikan Seni Visual; dicapai pada 18 Oktober 2018 dari <http://senivisual1.blogspot.com/2011/07/garisan.html>
- Hamstech (July 26, 2017). A New Light On Principles Of Fashion Design. Dicapai pada 28 November 2020 dari <https://www.hamstech.com/blog/a-new-light-on-principles-of-fashion-design/>
- Hill, M.G. (2001). Art and Fundamentals : Theory and Practice : The Mc Graw Hill Companies Inc.
- Jill., K Cubism Cardboard Fashion Inspired by Cubism. Dicapai pada 20 Oktober 2010 dari www.google.com/search?safe=strict&tbm=isch&q=clothing+inspired+by+cubism&imgsrc=jjzxMHEzgEyOdM:&cad=h#imgsrc=dH1rXmzHZbAXVM
- Kusuma. J., (24 September 2015) Little Black dress Silhouette Images. Dicapai pada 28 Oktober 2020 dari <http://archivoclinico.blogspot.com/2015/09/little-black-dress-silhouette-images.html>
- Rabus. Till., Surreal painting by Till Rabus | Inspiration Grid. Dicapai pada 30 Oktober 2020 dari <https://www.pinterest.com/pin/212584044883798078/>
- Marziana, Y., (2014) Digital Printing Technique in Men's Corporate Attire For Government Sectors: Batik Adaptation Styles : Universiti Faculty of Art & Design, University Technology MARA, Shah Alam, Malaysia
- Mbonu, E., (2014) Fashion Design Research : Laurence King Publishing Ltd, London
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan
- Ocvirk, O.G., Stinson, R.E., Wigg, P. R., Bone, R.O., Cayton, D. L., (2002). *Art Fundamentals Theory and Practice* : Mc Graw Hill Companies
- Quinn, B., (2013). *Textile Visionaries* : Laurence King Publishing Ltd, London
- Richard, S. & Udale, J. (2020) “The Fundamentals of Fashion Design” : Bloomsbury Publishing Plc.
- Scully, K., Cobb, D.B., (2012). *Colour Forecasting For Fashion* : Laurence King Publishing Ltd.
- Silka. P., (2016) Exploring The Form In Art dicapai pada 30 November 2020 dari <https://www.widewalls.ch/magazine/form-in-art>
- Voronina, O., Stock Photo – texture of tree bark fir. Dicapai pada 28 Oktober 2018 dari https://www.123rf.com/photo_23269831_texture-of-tree-bark-fir.html